



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

13 APRIL 2021 (SELASA)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHRAL, PENGGUNA

KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

13 APRIL 2021 (SELASA)

CAJ AIR KOSONG TINGGI

KPDNHEP Perak keluarkan 10 notis

Ipoh: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Perak mengeluarkan sebanyak 10 notis bertulis terhadap peniaga premis makanan dan minuman susulan rungutan orang ramai berhubung caj air kosong yang tinggi.

Pengarahnya Saifullizan Kamarul Zaman berkata, notis itu dikeluarkan susulan Op Catut 8.0 (air kosong) yang sedang dijalankan terhadap kedai makanan di seluruh negeri bermula 7 April hingga 15 April ini.

“Peniaga yang mendapat notis akan diberikan masa dua hingga lima hari (waktu

bekerja) untuk memberikan dokumen yang diperlukan KPDNHEP sebelum tindakan lanjut akan diambil di bawah Seksyen 21 Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas selesai pemantauan harga barangan keperluan asas semasa bulan Ramadan di Pasar Besar Ipoh di sini, semalam.

Katanya, ketika ini isu caj melampau air kosong terbabit masih lagi dalam pemerhatian pihaknya sebelum tindakan lebih tegas diambil mengikut proses undang-undang apabila siasatan selesai dijalankan.

Tepung gandum stok Ramadan dirampas



Pegawai KPDNHEP Pasir Mas merampas 800 kg 'stok' tepung gandum dipercayai untuk dijual semasa Ramadan kerana menjual barang kawalan tanpa lesen di Rantau Panjang.

RANTAU PANJANG - Seorang peniaga terpaksa berputih mata apabila 800 kilogram stok tepung gandum dipercayai untuk dijual ketika Ramadan dirampas oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Pasir Mas.

Ketua Cawangan KPDNHEP Pasir Mas, Suhaimi Abas berkata, tindakan tersebut diambil kerana peniaga itu disyaki menjual barang kawalan tepung gandum tanpa lesen.

"Serbuan dilakukan ke atas premis yang menjual barangan membuat kek itu pada jam 9.30 pagi selepas menerima maklumat.

"Tepung gandum berkenaan dipercayai disimpan di kedai berkenaan untuk

bekalan Ramadan dan sambutan Aidilfitri akan datang," katanya dalam satu kenyataan di sini.

Menurutnya, barang kawalan berkenaan disita untuk siasatan mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 yang boleh didenda tidak lebih RM1 juta atau penjara tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

Beliau berkata, pihaknya memberi amaran kepada peniaga supaya sentiasa mematuhi undang-undang yang ditetapkan atau berdepan tindakan tegas.

Katanya, KPDNHEP Pasir Mas mengadakan operasi bersepadu itu bersama KPDNHEP Tanah Merah dan operasi berkenaan melibatkan 10 pegawai di sekitar Rantau Panjang.

Senarai Harga Barang Keperluan			
• Ayam	RM5.99	• Telur Gred A	RM9.99
• Daging Lembu Tempatan	RM35	• Ikan Kembung	RM10.90
• Daging Lembu Import	RM18.90	• Minyak Masak	RM5.30
		• Gula Pasir	RM2.85
		• Bawang Besar Holland	RM2.89
		• Bawang Putih	RM4.99
		• Cili Merah	RM5.90
		• Kubis Bulat Tempatan	RM2.50
		• Tepung Gandum	RM2.19

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP